

AMALAN SERTA PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KAUNSELOR DI SEKOLAH-SEKOLAH DALAM MENANGANI MASALAH KEKELUARGAAN

Zuraimey Ahmad,¹ Mohd. Najib Bin Sapari,² Mohamed Sharif Mustaffa

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor

Paparock_malaysia@yahoo.com.my, ¹lelajib@yahoo.com.my, ²Mohamed_sharifutm@yahoo.com

ABSTRAK

Kertas konsep ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah amalan Kaunseling Keluarga di Sekolah itu dijalankan, di mana maklumat-maklumat yang dikenangkan; apakah kebaikan kaunseling keluarga di sekolah, apakah isu-isu yang timbul dalam menjalankan sesi, apakah kebaikan amalan-amalan yang dijalankan semasa menjalankan sesi kaunseling keluarga, kekuatan serta kelebihan dan juga disertakan beberapa cadangan untuk menambahbaikkan Kaunseling Keluarga di sekolah-sekolah. Kaunselor berperanan sebagai fasilitator dalam membantu klien menanggani masalah yang dihadap oleh klien dengan mengikut etika-etik dalam kaunseling.

PENGENALAN

Pembangunan serta pemesatan teknologi yang sedang dialami oleh negara samada secara langsung mahupun tidak langsung telah mengundang pelbagai perubahan serta kesan sampingan kepada masyarakat. Hasil daripada perkembangan dan kemajuan ini telah menimbulkan pelbagai kesan sosio-psikologikal kepada masyarakat. Selari dengan perkembangan ini, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sangat diperlukan bagi membantu pengurusan kehidupan serta mencari kesejahteraan dalam kehidupan.

Perkhidmatan kaunseling di negara ini bermula secara formal pada tahun 1960an dengan menyaksikan kewujudan pelbagai latihan kaunseling bagi memenuhi keperluan semasa. Pada tahun 1969, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama UNICEF telah mengambil langkah melalui 275 orang guru sekolah menengah. Objektif utama kursus ini adalah untuk memperkenalkan konsep bimbingan dan kaunseling. Menjelang tahun 1974 seramai 1,772 guru telah didekah dengan kursus ini. Berdasarkan rancangan yang dijalankan oleh KPM, setiap sekolah menengah di seluruh Semenanjung Malaysia sepatutnya mempunyai seorang guru terlatih dalam bidang bimbingan dan kaunseling.

Satu surat pekeliling telah dikeluarkan iaitu KP8548/1/(25) dan telah diedarkan ke setiap sekolah di seluruh Malaysia. Surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada pengetua-pengetua sekolah bahawa di setiap sekolah diperuntukkan dua orang guru yang dilatih khas dalam bidang bimbingan pendidikan. Mereka ini dipertanggungjawabkan agar berkerjasama dengan pengetua sekolah bagi menghasilkan satu program bimbingan di sekolah.

Guru-guru yang terlibat dalam program ini disarankan hanya diberi 50% masa mengajar dan dikecualikan daripada sebarang kegiatan ko-kurikulum. Sekolah dibenarkan menggunakan peruntukan kewangan yang diberikan setiap tahun untuk menampung perbelanjaan kewangan aktiviti-aktiviti bimbingan yang dikendalikan. Sekolah juga dikehendaki menyediakan satu ruangan papan kenyataan untuk program bimbingan ini, satu bilik khas yang berasingan bagi melaksanakan sesi kaunseling dan juga untuk pameran buku-buku, majalah dan pamphlet untuk kegunaan guru-guru serta pelajar-pelajar di sesebuah sekolah.

Pada tahun 1984 KPM telah mengeluarkan sebuah buku Panduan Perlaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah. Di dalamnya terkandung segala panduan yang meliputi konsep, falsafah, etika dan preskripsi fungsi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Jenis-jenis perkhidmatan yang telah dikenalpasti terkandung di dalam buku Panduan Perlaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah ialah:

- Perkhidmatan Inventori Individu dan Rekod Pelajar;
- Perkhidmatan Pemberian Maklumat;

- Perkhidmatan Bimbingan Kelompok;
- Perkhidmatan Kaunseling;
- Perkhidmatan Penempatan;
- Perkhidmatan Pendidikan Pencegahan Dadah;
- Perkhidmatan Konsultasi dan Rujukan;
- Perkhidmatan Konferen dengan Ibu Bapa;
- Perkhidmatan Penyelarasan Resos; dan
- Perkhidmatan Penilaian.

Persoalannya yang sering timbul ialah apakah amalan-amalan dalam kaunseling keluarga, cabaran-cabaran serta isu-isu yang timbul di dalam kaunseling keluarga? Inilah yang mendorong pengkaji mengambil inisiatif untuk membuat kertas kerja konsep yang membincangkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terutama di dalam kaunseling keluarga di beberapa buah sebuah sekolah menengah di daerah Segamat.

APAKAH ITU KAUNSELING KELUARGA?

Definisi Kaunseling

Untuk pemahaman dengan lebih jelas lagi tentang definisi kunseling, dipetik tiga definisi yang telah dibuat oleh tiga tokoh iaitu Blocher (1974); Corey (1977) dan James (1982).

Blocher (1974) mendefinisikan kaunseling sebagai suatu proses untuk menolong individu supaya ia menjadi lebih sedar tentang dirinya dan bagaimana ia dapat bertindak balas dalam alam persekitarannya.

Corey (1977) sepetimana dengan Blocher menekankan tentang proses di mana seorang klien diberi peluang untuk menerokai aspek diri dan kehidupannya yang menimbulkan masalah pada dirinya.

Akhir sekali James (1982) pula mendefinisikan kaunseling sebagai suatu proses pembelajaran yang lebih menekankan kepada proses membantu individu untuk mencapai kehendaknya, membimbang dan menilai potensi yang ada pada diri individu.

Ketiga-tiga definisi yang di pilih ini memberikan penekanan kepada proses untuk menolong, menyedarkan individu tentang dirinya dan suatu proses pembelajaran individu untuk mencapai tingkat kesejahteraan dalam kehidupan yang dilalui.

Definisi Keluarga

Manakala mengikut pandangan Shaffer (1998) keluarga sebagai satu sistem sosial yang dianggotai oleh seorang wanita, yang berperanan sebagai isteri atau ibu, suami atau ayah, dan anak, atau adik beradik.

Bagi Schvaneveldt (1970), keluarga telah didefinisikan sebagai merangkumi seorang atau lebih lelaki, yang tinggal dengan seorang, atau lebih wanita dalam perhubungan yang direstui oleh masyarakat dalam perhubungan seksual, yang diiktiraf berserta dengan hak dan tanggungjawab mereka bersama dengan anak-anak mereka.

Burgess (1926) dan Kamarovsky dan Waller (1945) menyatakan bahawa keluarga adalah satu unit, atau kesatuan yang personalitiya sering berinteraksi di antara satu dengan yang lain.

Jika diamati definisi-definisi keluarga yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh barat, terdapat ruang kosong atau kelompongan dalam suasana masyarakat serta Agama Islam khasnya, maka mengikut Islam definisi keluarga dijelaskan sebagai mempunyai struktur yang tertentu dan diikat oleh perhubungan perkahwinan yang sah dan pertalian darah. Perhubungan ini meliputi jangkaan bersama dari segi hak dan tanggungjawab, selaras dengan ajaran Islam, Keutuhan sesebuah keluarga berpandukan mentaati undang-undang Allah S.W.T dengan penuh keimanan dan ketakwaan (Hammudah 'Abd. Al'Ati, 1985).

Maka dapatlah disimpulkan bahawa keluarga merupakan sebahagian daripada masyarakat yang lebih besar yang terdiri daripada sekumpulan manusia yang terdiri daripada seorang lelaki dan

seorang perempuan (suami dan isteri) tinggal di bawah satu bumbung, yang mempunyai hubungan yang sah dari sisi agama dan masyarakat yang mana ikatan itu berdasarkan tanggungjawab serta hak untuk bersama mengikut ajaran Islam atau mana-mana agama lain.

Maka Kaunseling keluarga boleh didefinisikan sebagai satu proses membantu klien yang terdiri individu yang menghadapi masalah yang berpunca dari institusi sesebuah kekeluargaan yang mengalami perubahan sosial yang mendadak serta konflik nilai sikap ahli-ahlinya (keluarga).

PERANAN KAUNSELOR DI SEKOLAH

Peranan yang boleh dimainkan sebagai seorang kaunselor mestilah berlandaskan pengetahuan bimbingan dan kaunseling yang tepat supaya mampu menangani masalah di sekolah dan berjaya menghidupkan fungsi sebenar bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah. American School Counselor Association (ASCA) telah menggariskan tanggungjawab profesional kaunselor sekolah seperti berikut:

- i. Menolong penuntut untuk memahami dirinya dalam hubungannya dengan dunia sosial dan psikologi di tempat dia berada. Ini bermakna menolong penuntut untuk memahami sikap, minat, bakat, kebolehan, peluang-peluang untuk penyempurnaan kendiri dan hubungan-hubungan di antara yang tersebut di atas.
- ii. Menolong penuntut untuk bertingkahlaku yang sesuai dengan bakat, minat, sikap, kebolehan dan peluang untuk penyempurnaan kendiri.
- iii. Menolong penuntut mencapai keperluan untuk mengembangkan keupayaan membuat keputusan sendiri.
- iv. Membantu semua kakitangan sekolah untuk memahami perlunya orang perseorangan dan memberi maklumat tambahan dan bantuan perundingan bertujuan untuk membantu supaya lebih memahami lagi tentang penuntut.
- v. Menentukan atau mempastikan pengaruh program sekolah ke atas pelajaran perkembangan psiko-sosial penuntut dan menyampaikan maklumat untuk kakitangan lain.
- vi. Memberitahu kakitangan yang lain tentang perubahan-perubahan yang signifikan di sekolah yang memberi kesan dengan perkembangan program yang berkaitan.
- vii. Membantu ibu bapa untuk memahami kemajuan pengembangan anaknya, keperluan-keperluannya dan peluang-peluang lain sekellingnya; bertujuan untuk menambahkan kebolehan memberi sumbangan kepada perkembangan anak mereka sendiri.
- viii. Membuat interpretasi kepada komuniti pentingnya hal bertimbang rasa untuk individu dan memberi sumbangan kepada program kaunseling sekolah.
- ix. Membantu melancarkan di dalam masyarakat peluang-peluang lain yang perlu untuk perkembangan penuntut.
- x. Mengguna atau membantu melancarkan rekabentuk sumber-sumber masyarakat bagi memenuhi segala keperluan penuntut yang ekstrem atau yang tidak lazim serta luar tanggungjawab sekolah.
- xi. Mengadakan hubungan yang baik dengan semua pihak seperti Polis, Jabatan-jabatan kerajaan seperti JKM, LPPKN, Pejabat Agama Islam, Yayasan Pembangunan Keluarga dan lain-lain.

ISU-ISU YANG TIMBUL DALAM MENJALANKAN KAUNSELING KELUARGA

Di dalam menjalankan sesi kaunseling keluarga terhadap pelajar yang mempunyai masalah keluarga, kaunselor menghadapi pelbagai isu yang timbul semasa menjalankan tugas sebagai seorang kaunselor antaranya ialah :

- i. 'Cross Culture', boleh dikatakan setiap kali timbul kes yang melibatkan keluarga, perkara ini timbul kerana kaunselor berhadapan dengan keluarga yang berlainan agama dan budaya yang membataskan kaunselor dari meneruskan sesi.
- ii. Penerimaan klien terhadap kes yang dihadapi, di mana klien tidak dapat menerima kenyataan bahawa klien mempunyai masalah.
- iii. Karenah birokrasi yang menyukarkan keunselor untuk membuat rujukan kes, apabila timbul kes-kes memerlukan rujukan kepada yang lebih pakar.
- iv. Kurang keyakinan tiada membuat penstrukturkan di dalam menjalankan sesi kaunseling.
- v. Bagi kaunselor bujang, yang mengendalikan sesi kaunseling keluarga agak tidak relevan.
- vi. Isu kerahsiaan dimana kaunselor tidak pandai simpan rahsia, setiap kes yang dihadapi klien hendaklah disimpan dan dijaga dengan baik.
- vii. Kaunselor kena marah dengan klien, apabila minta dirujuk oleh guru.
- viii. Kekangan undang-undang, dimana sesetengah keluarga beranggapan bahawa kaunselor tidak perlu mencampuri urusan keluarga orang lain.
- ix. Penerimaan keluarga yang tidak dapat menerima kenyataan tentang masalah yang anak-anak mereka lakukan.
- x. Penerimaan keluarga dengan kes yang anak mereka lakukan hanyalah kepura-puraan dimana untuk mengaburi mata kaunselor semata-mata.
- xi. Pelajar tidak mengunjungi kaunselor dengan sukarela untuk menyatakan masalah mereka.
- xii. Nilai-nilai kekeluargaan semakin luntur, ini adalah kesan daripada ibubapa yang sibuk mencari harta sehingga melupakan nilai-nilai kekeluargaan seperti makan bersama-sama, meluangkan masa bersama anak, agar anak dapat berbincang bersama keluarga mereka.
- xiii. Tidak dapat mengajar subjek Bimbingan dan Kaunseling walaupun ada silibus BDK yang memperuntukkan masa untuk menerapkan amalan-amalan kaunseling keluarga kepada para pelajar akibat daripada kekangan tugas-tugas rasmi yang lain.
- xiv. Peruntukan untuk Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah sedikit bagi menjalankan pelbagai program yang melibatkan BDK khas untuk para pelajar.
- xv. Kaunselor yang baru berkecimpung dalam bidang kaunseling, menghadapi pelbagai masalah dalam pengendalian proses kaunseling keluarga, mereka gagal serta melampaui batas dalam menawarkan perkhidmatan mereka.

KEKUATAN/KELEBIHAN KAUNSELOR DALAM MENJALANKAN KAUNSELING KELUARGA

- i. Sebagai rujukan untuk kes-kes yang akan datang.
- ii. Penglibatan dari semua pihak yang bertanggungjawab dalam menghadapi kes yang dihadapi.
- iii. Dapat lebih memahami budaya dan tingkah laku sesebuah keluarga di dalam sesebuah organisasi masyarakat.
- iv. Dapat menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan keluarga klien. Apabila Kaunselor sering mengunjungi ke rumah, mahupun membuat panggilan telefon keluarga klien.
- v. Melibatkan pemuaafakatan masyarakat setempat di dalam membantu kaunselor mendapatkan maklumat awal.

AMALAN / KADEAH YANG DILAKSANAKAN TERHADAP PELAJAR YANG MENGHADAPI MASALAH MELIBATKAN KELUARGA

Punca yang lazim dalam permasalahan keluarga ialah apabila berlaku konflik di dalam institusi sesebuah kekeluargaan. Konflik ini akan membentuk tingkah laku yang negatif di dalam keluarga tersebut. Terdapat banyak masalah keluarga, di antaranya perceraian ibubapa (kes paling tinggi), anak luar nikah, keganasan rumah tangga, keganasan personal, penganiayaan dan

penderaan kanak-kanak, konflik kewangan. Semua permasalahan ini mengakibatkan anak-anak mereka terabai, ini mendorong mereka melakukan perkara-perkara negatif berbanding dengan perkara positif.

Bagi menghadapi masalah yang melibatkan keluarga, kaunselor telah menyatakan bahawa kaedah yang diterapkan bergantung kepada kes yang diterima. Kebiasaananya, kaunselor akan bertemu pelajar terlebih dahulu untuk bertanyakan masalah, supaya kaunselor boleh membuat hipotesis awal, adakah masalah itu melibatkan keluarga, kewangan, keluarga terdekat, dan sebagainya.

Lawatan ke rumah dalam masa 48 jam adalah menjadi fokus utama kaunselor bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang masalah yang dihadapi oleh klien, ini akan melibatkan kerahsiaan yang tinggi diantara kaunselor dan juga masyarakat setempat, segala maklumat yang dikumpul akan dianalisis oleh kaunselor. Kebiasaananya setiap lawatan ke rumah klien akan melibatkan orang-orang berpengaruh seperti Ketua Kampung, Penghulu, Ketua Umno dan lain-lain individu yang boleh dilibatkan sebagai orang tengah. Semasa proses ini kaunselor akan membuat pemerhatian terhadap pola interaksi keluarga dalam pada mereka memberi pandangan, pendapat mengenai masalah yang dihadapi. Setelah membuat pemerhatian kaunselor akan membuat suatu penilaian, kaunselor dapat membantu keluarga dengan mengenal pasti kekuatan serta potensi pada diri mereka dan bersedia untuk merubah ke arah sesuatu yang lebih baik. Seterusnya proses penerokaan bagi mendapatkan maklumat yang lebih khusus. Peranan sebagai kaunselor amatlah penting ketika proses ini. Semasa proses penamatan, persetujuan bersama oleh keluarga amatlah penting. Walau bagaimanapun, penamatan masih dianggap terbuka iaitu keluarga masih boleh berjumpa dengan kaunselor jika keadaan memerlukan.

KEBAIKAN / KESAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN

Kejayaan lebih berkesan dalam menjalankan sesi kaunseling keluarga kerana :

- i. Kaunselor mengadakan sesi perbincangan di rumah bersama-sama dengan ibubapa pelajar. Kaunselor dapat melihat situasi yang sebenar keluarga klien.
- ii. Pemantauan yang berterusan dari pihak kaunselor dengan cara kekerapan berhubung melalui telefon bagi mengetahui perkembangan klien, dan juga ibubapa yang sudah mengetahui masalah anak mereka dapat mengawal tingkah laku negatif pelajar yang bermasalah.
- iii. Kaunselor dapat menjalinkan hubungan silaturahim yang lebih erat dengan keluarga pelajar yang bermasalah.
- iv. Maklumat lebih relevan apabila dapat bertemu dengan ahli keluarga klien, maklumat tidak bias hanya sebelah pihak sahaja.

CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN KAUNSELING KELUARGA DI SEKOLAH

Berdasarkan temubual yang dijalankan dengan beberapa orang Kaunselor di beberapa buah sekolah di Daerah Segamat, beberapa cadangan dapat kami utarakan bagi memastikan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, khususnya melibatkan Kaunseling Keluarga mendapat sambutan yang sewajarnya daripada kumpulan Sasaran. Antara cadangan-cadangan tersebut ialah:

- i. Menganjurkan program berkaitan bimbingan dan kaunseling seperti motivasi dan kemahiran belajar untuk menyedarkan pelajar dan guru-guru tentang fungsi sebenar unit Bimbingan dan Kaunseling iaitu ianya bukan sahaja terikat dengan permasalahan sosial pelajar.
- ii. Mempromosikan unit bimbingan dan kaunseling kepada warga sekolah supaya mereka mengetahui wujudnya unit ini di sekolah dan memperkenalkan guru yang bertanggungjawab.
- iii. Kesedaran tentang perbezaan di antara guru bimbingan dan guru disiplin perlu bagi mengelakkan pelajar takut untuk berjumpa guru bimbingan dan merujuk masalah mereka.
- iv. Kekerapan bertemu bersama dengan ibubapa di Sekolah dapat merapatkan hubungan silaturahim antara Institusi keluarga dengan Kaunselor.

- v. Penglibatan PIBG yang lebih aktif untuk berfungsi sebagai orang tengah apabila berlaku sesuatu kes, dapat banyak membantu kaunselor untuk membuat langkah awal dalam menjalankan sesi.
- vi. Mengadakan lebih kerap seminar-seminar, bengkel-bengkel, forum, ceramah yang menjurus ke arah memantapkan institusi kekeluargaan pada abad ini.
- vii. Kaunselor lebih kerap / secara berkala mengunjungi kerumah-rumah keluarga klien yang menghadapi masalah. Dapat berbincang jalan menanggani sesuatu kes yang sedang dihadapi.
- viii. Para pelajar dide dahdakan dengan Pendidikan Kekeluargaan, Psikososial, dan Kesihatan Mental agar dapat meneruskan hidup di zaman yang penuh dengan dugaan ini.
- ix. Pendekatan mesra pelajar perlu dilakukan oleh guru bimbingan supaya mereka lebih senang didekati dan dirujuk oleh pelajar.
- x. Memerlukan pembantu kaunselor, agar dapat membantu kaunselor dalam mengurus tugas-tugas yang berkaitan.
- xi. Memerlukan bilik yang lebih sesuai untuk menjalankan sesi kaunseling, agar dapat menghasilkan suasana terapeutik

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan institusi sekolah juga ada menjalankan sesi kaunseling keluarga. Kebanyakkan daripada kaunselor yang menjalankan sesi kaunseling ini menyatakan bahawa kejayaan dapat menyelesaikan kes adalah saat yang paling manis diantara klien dengan ibubapa mahupun keluarga klien. Peratusan kejayaan keseluruhan ialah sebanyak 50% , manakala 50% lagi adalahkekangan-kekangan yang dihadapi oleh kaunselor di sekolah terabit dalam menghadapi kes-kes yang diterima olehnya seperti tiada kerjasama yang diperolehi oleh kaunselor dari keluarga klien yang menyatakan bahawa keluarga klien pandai mendidik anak, kaunselor tiada hak untuk campur tangan dalam pengurusan kehidupan klien. Faktor silang budaya juga banyak membantutkan usaha kaunselor dalam membantu klien yang bermasalah, apabila klien yang berlainan agama, kaunselor beragama islam ingin menerapkan unsur-unsur islam semasa sesi, keluarga klien akan menyatakan sebaliknya.

Maka kaunseling keluarga, adalah cara menolong kelompok individu yang mempunyai perhubungan sebuah kekeluargaan. Yang paling penting di sini ialah kekuatan sistem kekeluargaan pada masa ini penting dalam menjana anak-anak yang lebih memahami kepentingan nilai-nilai kekeluargaan bagi menjamin kehidupan keluarga yang sejahtera demi kesejahteraan masyarakat dan sebaliknya.

RUJUKAN

Athur P.L. & Aminah Hashim (1987), *Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*, Selangor: Dewan Bahasa & Pustaka.

Choong Lean Keow (2007), *Kaunseling : Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Lily Mastura & Ramlan Hamzah (2006), *Asas Kaunseling Keluarga*, Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti UPENA.

Lily Mastura (2000), *Kaunseling Keluarga*, Universiti Putra Malaysia, Percetakan Selaseh Sdn. Bhd.

Muhd. Mansur Abdullah & S. Nordinar Mohd Tamin (1987), *Proses Kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Samuel T. Gladding (1998). *Family Theraphy History, Theory and Practice* (2nd ed.), Prentice Hall, Inc. Simon&Schuster/A Viacom Company Upper Saddle River, New Jersey.

Tan Chee Yee (1991), *Bimbingan dan Kaunseling*, Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.